

Resorts World Genting Tawar Diskaun Sehingga 87% dan Promosi Beli 1 Percuma 1 di MATTA Fair KL 2026

Genting Highlands, 1 April 2026 – Orang ramai kini berpeluang mendapatkan tawaran eksklusif daripada Resorts World Genting (RWG) sempena MATTA Fair KL yang akan berlangsung dari 3 hingga 5 April di Pusat Dagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC).

Pengunjung berpeluang menikmati pelbagai tawaran bernilai tinggi yang ditawarkan secara eksklusif bagi merealisasikan perancangan percutian, merangkumi pengalaman santai di tanah tinggi hingga tarikan taman tema yang menyeronokkan, semuanya dalam satu destinasi. Bagi percutian singkat, bilik di First World Hotel ditawarkan pada harga serendah RM59, manakala bilik kuad mesra keluarga di Genting SkyWorlds Hotel bermula dari RM199.

Bagi mereka yang mengutamakan keselesaan, penginapan di Resorts World Awana ditawarkan bermula dari RM189 termasuk kredit makanan. Selain itu, percutian tepi pantai di Resorts World Kijal dan Resorts World Langkawi pula bermula dari RM199, termasuk sarapan untuk dua orang.

Ditawarkan secara eksklusif sepanjang pameran, pakej RWG meliputi penginapan dari 6 April hingga 27 Ogos 2026 dengan tarikh tempahan tetap di seluruh rangkaian penginapannya. Tawaran ini memberikan peluang terbaik untuk menikmati udara sejuk tanah tinggi pada harga yang berbaloi, dengan pilihan yang sesuai untuk semua jenis percutian, daripada bajet mesra hingga penginapan premium.

Selain penginapan, pelbagai tawaran tarikan turut menanti pengunjung. Pengunjung yang gemar aktiviti mencabar boleh menikmati promosi menarik, termasuk tawaran Beli 1 Percuma 1 untuk tiket taman tema Genting SkyWorlds bermula daripada RM88 bagi warganegara Malaysia dan RM168 bagi bukan warganegara. Turut ditawarkan ialah Beli 1 Percuma 1 bagi Pas Permainan Tanpa Had taman tema tertutup Skytropolis pada harga RM70 bagi warganegara Malaysia dan RM90 bagi bukan warganegara. Semua tiket tarikan ini boleh ditebus pada tarikh pilihan pengunjung dari 6 April hingga 27 Ogos 2026, membolehkan mereka merancang lawatan mengikut keselesaan masing-masing.

Untuk nilai yang lebih hebat, Pas Tanpa Had taman tema Genting SkyWorlds ditawarkan dengan diskaun 50%, bermula dari RM150, memberikan akses taman tema sepanjang tahun pada kadar serendah RM0.40 sehari.

Bagi mereka yang ingin pengalaman lengkap, pakej "*Stay and Play*" menggabungkan penginapan dan tiket taman tema bermula daripada RM99 untuk penginapan di First World Hotel bersama dua tiket taman tema Genting SkyWorlds. Selain itu, dengan tawaran harga bermula dari RM78, Pakej Adventure Combo ini menggabungkan Pas Permainan Tanpa Had Skytropolis serta akses

ke *Jurassic Research Centre*, Eagle Zipline, dan Pontianak akan memberikan pilihan yang sesuai untuk setiap pengunjung.

Selain itu, pengunjung boleh menikmati pengalaman berinspirasi alam semula jadi seperti Euforia dengan harga tiket bermula RM20, serta festival BUNGA 2026 di Resorts World Awana yang akan berlangsung dari 3 hingga 7 Jun 2026 dengan harga tiket RM10. Tiket Euforia boleh ditebus mulai 1 Jun hingga 31 Disember 2026.

Pengunjung yang berbelanja RM118 atau lebih di pameran ini boleh mengambil bahagian dalam Cabutan Bertuah Blind Box Challenge untuk peluang memenangi hadiah menarik, termasuk telefon pintar HONOR Magic8 Pro bernilai RM5,000, dengan satu unit dimenangi setiap hari. Pengunjung baharu juga boleh mendaftar sebagai ahli Genting Rewards di lokasi secara percuma.

Semua tawaran hanya tersedia secara eksklusif sepanjang MATTA Fair KL di Booth 1H01, Pavilion MESTI, Aras G, atau secara dalam talian melalui rwtours.com sepanjang tempoh pameran. Dengan ketersediaan terhad dan permintaan yang dijangka tinggi, pengunjung digalakkan membuat tempahan awal bagi menikmati tawaran istimewa ini. Bagi mereka yang tidak berpeluang hadir, tempahan masih boleh dibuat secara dalam talian melalui **rwtours.com** dari 3 hingga 5 April.

Pas tarikan yang boleh ditebus pada tarikh pilihan pengunjung membolehkan pengunjung merancang pengalaman mengikut keselesaan masing-masing. Sama ada untuk mencuba permainan yang mendebarkan, menikmati aktiviti mesra keluarga, atau bersantai di lanskap bertema bunga, pengunjung bebas menentukan pengalaman mereka sendiri.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti di RWG, layari rwgenting.com atau ikuti platform media rasmi kami.

– Tamat –

For media enquiries, please contact:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan

hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjana tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.